

Jauhi Sifat Takabur

Ibn Umar R.Anhuma berkata: Sesungguhnya Allah SWT melipat langit dan bumi dengan tangan-Nya, kemudian berfirman:

أَنَا الْمَلِكُ، أَنَا الْجَبَّارُ، أَنَا الْمُتَكَبِّرُ أَيَّنَ مُلُوكِ الْأَرْضِ؟ أَيَّنَ الْجَبَّارُونَ؟ أَيَّنَ الْمُتَكَبِّرُونَ؟

Maksudnya: “*Aku adalah raja, aku adalah al-Jabbar (Yang Maha Hebat), Aku adalah Yang Maha Takabur. Di manakah para raja bumi? Di manakah orang-orang yang hebat? Di manakah orang-orang yang takabur?*”

Riwayat Muslim (26)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Fudhail bin Iyadh berkata: “*Tidak ada satu malam pun yang gelap kecuali Allah berkata: Siapakah yang mengagungkan anugerah-Ku, pada saat banyak makhluk yang bermaksiat dan Aku mengawasi mereka? Aku menidurkan mereka di atas tilam mereka seolah-olah tiada dosa antara mereka terhadap diri-Ku. Aku tetap memberikan anugerah dan kenikmatan walaupun kepada orang yang derhaka kepada-Ku. Oleh kerana itu, siapakah yang berdoa kepada-Ku kemudian Aku tidak mengabulkannya? Siapakah orang yang menangis di hadapan pintu-Ku dan membiarkannya sahaja? Aku adalah (pemberi) anugerah dan anugerah adalah dari-Ku. Aku adalah Zat yang dermawan dan kedermawan adalah dari-Ku. Dan di antara kedermawan-Ku ialah memberi kemaafan bagi orang-orang yang pernah bermaksiat. Dan di antara kemurahan-Ku, iaitu pemberian-Ku kepada hamba yang berdoa kepada-Ku. Di antara kemurahan-Ku pula adalah, memberikan taubat kepada orang yang pernah melakukan maksiat, seolah-olah mereka*

tidak melakukannya. Maka kemanakah para makhluk-Ku lari dari-Ku? Ke manakah orang-orang yang bermaksiat lari dari pintu-Ku?"

Hadis di atas dikeluarkan oleh Abu Nu'a'im dalam kitab *al-Hilyah al-Auliya'*

2. Di antara cara untuk mengagungkan Allah adalah dengan mentauhidkan-Nya (tidak menyekutukan-Nya) dan hanya menyembah kepada-Nya sahaja. Tauhid adalah sebab yang paling besar (dalam memperolehi reda Tuhan). Sesiapa yang kehilangan tauhid, maka dia kehilangan kemaafan dari Allah. Dan sesiapa yang datang dengan bertauhid, maka dia telah datang dengan sebab kemaafan yang paling besar.
3. Ulama berkata: "*Tidak mendapat kemanisan akhirat sesiapa yang lebih suka dikenali oleh manusia.*"
4. Fudhail bin Iyadh berkata: "Telah sampai kepadaku bahawa sesungguhnya Allah SWT berfirman tentang sebahagian yang dikurniakan kepada hamba-Nya: "Bukankah Aku yang mengurniakan nikmat kepada kamu, bukankah Aku yang menyembunyikan aib kamu, bukankah Aku yang memadamkan namamu?"
5. Sahl bin Abdullah ditanya: "Apakah yang paling sukar atas diri seseorang?" Jawabnya:

الإِخْلَاصُ لِأَنَّهَا لَيْسَ لَهَا فِيهِ نَصِيبٌ.

Maksudnya: "Ikhlās, kerana nafsu tidak mempunyai apa-apa bahagian di dalamnya."

6. Yusuf bin Husin berkata:

أَعَزُّ شَيْءٍ فِي الدُّنْيَا الْإِخْلَاصُ وَكَمْ اجْتَهَدُ فِي إِسْقَاطِ الرِّيَاءِ عَنِ قَلْبِي فَكَأَنَّهُ يَنْبُتُ فِيهِ عَلَى لَوْنٍ آخَرَ.

Maksudnya: "Perkara yang paling berat di dunia adalah ikhlās. Berapa banyak aku cuba bersungguh-sungguh untuk menghapuskan sifat riyak daripada hatiku, namun ianya seolah-olah tumbuh padanya (hati) dalam bentuk yang lain."

7. Apabila diberi kemasyhuran pada permulaan, maka sedikit sahaja yang berjaya pada akhirnya. Seorang meminta nasihat daripada Bisyr al-Hafi. Jawabnya: *“Padamkan namamu dan perbaiki makanammu.”*
8. Sebahagian ulama berkata: *“Tidak harus dan tidak layak jalan kita ini diikuti kecuali oleh kaum yang (jiwa) mereka tiada kekotoran.”*
9. Ibrahim bin Adham pernah berkata: *“Allah SWT tidak membenarkan sesiapa pun yang mencintai kemasyhuran.”*
10. Pujangga Arab berkata:

عِشْ خَامِلَ الذِّكْرِ بَيْنَ النَّاسِ وَأَرْضَ بِهِ
فَذَاكَ أَسْلَمَ فِي الدُّنْيَا وَفِي الدِّينِ
مَنْ عَاشَرَ النَّاسَ لَمْ تَسْلَمْ دِيَانَتُهُ
وَلَمْ يَزَلْ بَيْنَ تَحْرِيكِ وَتَسْكِينِ

*Hiduplah berkeadaan biasa antara manusia dan redalah,
Yang demikian itu lebih selamat di dunia dan juga akhirat.
Sesiapa berinteraksi sesama manusia tidak selamat agamanya,
Dan sentiasalah dia berada antara bergerak dan tenang.*

11. Abu Ayub al-Sukhtiyani berkata: *“Demi Allah, seseorang itu tidak benar dengan Allah kecuali perasaannya tidak dirasakan pada tempatnya.”*
12. Sebahagian ulama berkata: *“Aku tidak mengetahui seseorang yang lebih suka untuk dikenali melainkan hilanglah agamanya dan terbuka aibnya.”* Dan: *“Tidak mendapat kemanisan akhirat sesiapa yang lebih suka dikenali oleh manusia.”*

13. Syeikh Abu Talib al-Makki berkata: *“Ikhlas bagi orang mukhlis ialah makhluk bermuamalat dengan Khaliq, dan pada permulaannya adalah kerana nafsu. Ikhlas bagi orang muhibbin ialah tidak beramal kerana nafsu, kerana jika demikian mereka masih berharap kepada habuan dunia atau berkehendak kepada bahagian nafsu. Sementara ikhlas bagi orang muwahhidin ialah makhluk tidak melihat amalan sebagai perbuatan mereka.”*
14. Daripada Abi Yazid bahawa dia disuruh mencukur kepala, menggantung tali di lehernya dan membiarkan kanak-kanak memukulnya dan diarak di jalanan. Hal ini disebut oleh Imam al-Ghazali.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan terlalu ego dengan pendapat anda sendiri dalam menghadapi permasalahan apa pun tapi bermesyuaratlah, kerana pendapat dua orang lebih kuat daripada pendapat seorang. Tidak ubah seperti tali, setiap kali disatukan dengan tali yang lain, maka ianya akan semakin kuat.
- ❖ **Pujangga berkata:** Keriangan ialah wajah yang berseri, taman yang hijau, air yang sejuk, buku yang mendatangkan manfaat disertai hati yang boleh menghargai nikmat, meninggalkan dosa dan mencintai kebaikan.

Kisah Teladan

Allah SWT telah menentukan rezeki sebelum menciptakan hamba-hamba-Nya. Pada suatu hari, Hasan al-Basri telah makan bersama-sama para sahabatnya. Tiba-tiba datanglah seekor kucing, maka mereka melemparkan sepotong makanan kepadanya. Kucing tadi mengambilnya dan pergi dengan segera.

Kemudian kucing tadi datang lagi dan mereka melemparkan sepotong makanan kepadanya, ia pun pergi dengan segera kemudian datang kembali. Lalu mereka pun melemparkan sepotong makanan lagi kepada kucing tersebut. Mereka mengetahui bahawa kucing tersebut tidak makan seluruh makanan yang telah diberi tadi, maka

mereka pun mengikutinya dan ternyata bahawa kucing tersebut pergi membawa makanan kepada kucing lain yang buta di hujung sana. Mereka kagum dengan kejadian tersebut.

Maka Syeikh berkata: *“Maha Suci Allah, ini adalah haiwan yang tidak berakal, Allah SWT telah mengirinkan rezekinya lewat haiwan yang lain. Maka, mungkinkah Dia (Allah) tidak memberikan rezeki kepadaku, sedangkan aku adalah hamba-Nya dan menyembah-Nya.”*

